

24 SEP 1998

UMNO PASIR PUTEH AKUR DENGAN PENAHANAN KAMARUDDIN

PASIR PUTEH, 24 Sept (Bernama) -- Umno Bahagian Pasir Puteh akur dengan tindakan pihak berkuasa menahan Ketua Umno bahagian itu Kamaruddin Mohd Nor di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA).

Timbalan Ketua Umno bahagian itu, Agil Awang berkata penglibatan Kamaruddin dalam gerakan reformasi yang diperjuangkan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, yang kini ditahan di bawah ISA, tiada kaitan dengan Umno bahagian itu.

"Penglibatan Kamaruddin dengan gerakan reformasi Anwar itu adalah berbentuk peribadi dan tiada kaitan sama sekali dengan Umno Bahagian Pasir Puteh," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Umno di sini, malam tadi.

Kamaruddin yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Semerak, adalah antara 14 orang termasuk Anwar yang ditahan di bawah ISA sejak 20 Sept lepas, kerana terlibat dalam kegiatan yang memudaratkan keselamatan negara.

Agil yang dilantik memangku jawatan ketua Umno bahagian itu berkata, Umno bahagian itu berdiri teguh di belakang Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berhubung isu pemecatan Anwar dari Kabinet dan Umno serta penahanannya di bawah ISA.

--BERNAMA

WM oba